

Mahathir bimbang Nafta jejas ekonomi

B.H 19 NOV 1993

Oleh Faizal Fadzil

P

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) akan menjadi blok perdagangan yang memberi kesan buruk kepada ekonomi rantau ini.

Menurut Perdana Menteri, jika Nafta ialah blok perdagangan, ia akan memberi kesan buruk, bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga Asia.

"Kita tidak tahu apa akan berlaku selepas ini. Tetapi jika Nafta adalah sebuah blok perdagangan seperti yang dapat dilihat, ia akan memberi kesan buruk terhadap kita.

"Contohnya kita mengeluarkan pelbagai barangan yang dieksport ke Amerika Syarikat. Faktor membolehkan kita mengeksport barangan berkenaan ialah kos (pengeluaran) kita rendah dan kos Amerika Syarikat tinggi.

"Tetapi Amerika Syarikat mungkin mengambil kesempatan daripada kos rendah di Mexico untuk mengeluarkan barangan sama, yang kita tidak mempunyai kelebihan bersaing.

"Ini merugikan kita dari segi hubungan dagangan dengan Amerika Syarikat dan Kanada," katanya dalam temuramah dengan Perbadanan Penyiaran Jepun (NHK) di sini, yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Dr Mahathir mengulas keputusan Dewan Perwakilan Amerika Syarikat hari ini yang meluluskan Nafta dengan kelebihan 34 undi.

Perdana Menteri berkata, jika wujud perdagangan bebas di kawasan Amerika Utara, tidak akan ada lagi perdagangan bebas di antara negara itu dan negara luar.

"Dari beberapa sudut, Nafta adalah perdagangan bebas. Mereka ada kawasan perdagangan bebas. Ini bermakna mereka melaksanakan perdagangan bebas hanya di dalam kawasan itu.

"Oleh itu, tidak akan wujud perdagangan bebas di luar kawasan berkenaan. Ini bermakna ia (Nafta) adalah blok perdagangan. Soalnya sekarang ialah sejauh manakah keterbatasan dan ia melindungi kepentingan negara anggota," katanya.

Di WASHINGTON, *Reuter* melaporkan Presiden Bill Clinton yang mendapat sokongan Republikan, mencapai kemenangan politik selepas Dewan Perwakilan meluluskan Nafta.

Kemenangan itu bukan sahaja membuka jalan bagi mewujudkan blok perdagangan bebas membabitkan Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico tetapi Clinton melepasi halangan daripada partinya sendiri; Demokrat dan kesatuan sekerja.

Presiden Bill Clinton berkata, kelulusan itu adalah 'saat penentu' yang akan membantu Amerika membentuk abad ke-21.